

TARIKH: 17/1/2023
SURAT KHABAR: UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT: 29

Terharu terima faedah Perkeso arwah ibu

SEREMBAN: Seorang anak tunggal tidak menyangka menerima faedah hasil Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang disertai arwah ibunya.

Alif Danial Samdin, 18, berkata, dia juga tidak mengetahui kerajaan ada menyediakan skim berkenaan yang akhirnya dapat membantunya untuk tujuan perbelanjaan harian dan pendidikan.

"Ibu saya, Siti Noraseyah Abu Hassan meninggal dunia pada 14 Disember lalu akibat kanser. Bantuan ini sangat membantu saya kerana selepas perceraian ibu dan ayah, saya tinggal bersama ibu.

"Saya memang tidak tahu kerajaan ada menyediakan bantuan seperti ini. Hanya selepas dijelaskan oleh kakitangan Perkeso barulah saya tahu mendapat bantuan berupa Faedah Pengurusan Mayat (FPM) bernilai RM2,000 dan pencen



V. SIVAKUMAR (tiga dari kiri) bersama waris suri rumah pencarum termasuk Alif Danial Samdin (empat dari kanan) pada Majlis Penyerahan Faedah SKSSR Kepada Waris Suri Rumah Berinsurans di Wisma Perkeso, Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

penakat sebanyak RM300 sebulan selepas ini," katanya ketika ditemui di Pejabat Perkeso Negeri Sembilan di Wisma Perkeso di sini, semalam.

Dia adalah salah seorang dari-

pada empat waris Suri Rumah Berinsurans (SRB) yang menerima faedah skim berkenaan disampaikan Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar.

Sementara itu, dalam sidang

akhbarnya, Sivakumar berkata, sekurang-kurangnya tiga juta wanita di negara ini layak mencarum SSKSSR di bawah Perkeso.

Jelasnya, dalam tempoh kurang dua bulan pelaksanaan, dianggarkan 140,000 wanita berusia di bawah 55 tahun berdaftar di bawah skim berkenaan yang dilaksanakan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838), berkuat kuasa 1 Disember tahun lalu.

Menurut beliau, skim itu bertujuan memberi perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah terhadap bencana domestik, keilatan atau kematian sewaktu menguruskan rumah tangga.

"Demi menjaga kebajikan golongan suri rumah terutama daripada golongan rentan, kerajaan memperuntukkan RM20 juta untuk menaja caruman SKSSR kepada 150,000 orang suri rumah yang berdaftar dengan e-Kasih dan mencarum di bawah i-Suri KWSP," katanya.